



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 11 FEBRUARI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SEGERAKAN SUBSIDI UNTUK PENTERNAK AYAM, KRISIS BEKALAN TELUR & AYAM, SINAR HARIAN -10	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	TAMBAH SUBSIDI IKUT HARGA PASARAN, KRISIS BEKALAN TELUR & AYAM, SINAR HARIAN -10	
3.	RM528.52 JUTA STABILKAN HARGA AYAM, TELUR, NEGARA, KOSMO -2	
4.	STOK DIJANGKA KURANG MENJELANG RAMADAN, NEGARA, KOSMO -3	
5.	LANGKAH TEPAT MENJELANG PERAYAAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -4	
6.	TAKAFUL PERTANIAN DILANCAR SUKU KEDUA DENGAN PADIBERAS PERINTIS, KOSMO, ONLINE	
7.	MAFI KOMITED PERKUKUHKAN AGENDA SEKURITI MAKANAN NEGARA-DR. RONALD, MALAYSIAGAZETTE, ONLINE	
8.	INSURANS LINDUNGI PETANI, INDUSTRI, NASIONAL, SINAR HARIAN -23	
9.	TAWAR BELI PATIN MUNCUNG HARGA TINGGI BUAT INDUK, NASIONAL, BERITA HARIAN -22	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10.	JERAMI GULUNG TARIKAN BAHARU YAN, NEGERI PERAK.KEDAH. MELAKA, SINAR HARIAN -26	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
11.	SUKAR DAPAT AYAM DI KUALA TERENGGANU, KRISIS BEKALAN TELUR & AYAM, SINAR 12. HARIAN -10	LAIN-LAIN
12.	PERLU ADA PENYELESAIAN JANGKA PANJANG SELAIN SUBSIDI, KRISIS BEKALAN TELUR & AYAM, SINAR HARIAN -10	
13.	'JANGAN NAIKKAN LAGI HARGA AYAM, TELUR', NEGARA, KOSMO -1	
14.	'JANGAN LAGI BAGI ALASAN NAIKKAN HARGA', NEGARA, KOSMO -2	
15.	ANGGUR JERANTUT SETARA BUAH IMPORT, NASIONAL, SINAR HARIAN -24	
16.	KIAN RAMAI BERALIH BELI TELUR ITIK, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -12	
17.	HUJAN LEBAT, NELAYAN TERPUTUS REZEKI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -12	
18.	PERLIS 'MINI CAMERONS' A HIT WITH VISITORS, NEWS IN BRIEF, NST -11	
19.	SEGERAKAN PEMBERIAN SUBSIDI PENTERNAK, LOKAL, HM -12	
20.	SEAFOOD PRICE TAKE A DIVE, NATION, THE STAR -5	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

se

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/2/2022	SINAR HARIAN	KRISIS BEKALAN TELUR & AYAM	10

Segerakkan subsidi untuk penternak ayam

Pengumuman MAFI berkaitan situasi dialami penternak disambut baik FLFAM

Oleh NUR IFTITAH ROZLAN

SHAH ALAM

Kerajaan diharap dapat menyegerakan mekanisme pemberian subsidi sebanyak 60 sen setiap kilogram kepada penternak ayam.

Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), Datuk Jeffrey Ng berkata, sebagai penternak, pihaknya menyambut baik pengumuman daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang memandangkan situasi penternak ketika ini.

“Cuma masalahnya mekanisme dan jadual yang mereka akan bayar untuk subsidi kita masih belum tahu.

“Penternak perlu beli dedak setiap hari untuk beri ayam makan, jadi kalau dapat subsidi lewat pun kita tidak ada duit untuk beli makanan ayam.

“Penternak juga ramai yang terpaksa berhutang dengan pembekal dan menanggung kerugian disebabkan keuntungan mereka tidak dapat menampung kos operasi keseluruhan.” katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Pada Rabu, kerajaan ber-



FOTO: BERNAMA

Pekerja ladang, Muhammad Halkal Zakari, 21, memeriksa sebahagian 16,000 ekor ayam yang ditekam di sebuah ladang di Kampung Pelam, Telomong, Terengganu.

setuju memberikan subsidi kepada penternak ayam sebanyak 60 sen setiap kilogram dengan mengambil kira harga ayam hidup di peringkat ladang sebanyak RM5.90 sekilogram dan harga runcit ayam bulat standard sebanyak RM8.90 sekilogram.

Selain itu, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, kerajaan juga akan memberi subsidi lima sen sebiji kepada pengeluar dan penternak untuk semua jenis kategori telur.

Menurutnya, tempoh pemberian subsidi adalah mulai 5 Februari hingga 4 Jun iaitu sepanjang tempoh pelaksanaan Skim Kawalan Harga Keluarga

Malaysia (SKHKM).

Mengulas lanjut, Jeffrey turut menyambut baik usaha MAFI untuk mengadakan sesi libat urus secara berterusan dengan pihak industri bagi memastikan pengeluaran ayam dan telur di ladang mencukupi sekali gus dapat menangani isu kenaikan harga bahan makanan itu di pasaran.

“Ketika ini, apa yang perlu kita lakukan ialah duduk semeja antara pihak industri dengan kerajaan dan berbincang kaedah terbaik untuk menyelesaikan segala masalah yang berbangkit.

“Ini supaya semua pihak faham akan situasi masing-masing, jika tidak masalah tidak akan selesai,” jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/2/2022	SINAR HARIAN	KRISIS BEKALAN TELUR & AYAM	10

Tambah subsidi ikut harga pasaran

IPOH - Persatuan Penternak Manjung menyambut baik pengumuman kerajaan untuk memberikan subsidi bagi ayam dan telur ayam.

Pengerusinya, Tan Wooi Perng berkata, keputusan kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) itu sedikit sebanyak melegakan pengusaha ternakan ayam.

Menurutnya, walaupun jumlah itu tidak seperti yang diharapkan, ia tetap membantu meringankan beban penternak.

“Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana mendengar keluhan kami dengan mengumumkan pemberian subsidi ini.

“Tetapi kita harap juga kadar subsidi dapat dinaikkan lagi memandangkan harga dedak ayam dijangka meningkat dalam tempoh dua hingga tiga bulan lagi,” katanya pada Khamis.

Menurutnya, subsidi tersebut diharap dapat ditambah mengikut harga pasaran makanan bagi ternakan tersebut.

Sementara itu, beliau turut meminta kerajaan segera menjelaskan prosedur mendapatkan subsidi tersebut bagi memudahkan penternak membuat tuntutan.



WOOI PERNG

11/2/2022

KOSMO

NEGARA

2

RM528.52 juta stabilkan harga ayam, telur



RONALD

PETALING JAYA - Kerajaan ber-setuju memberi subsidi ayam dan telur kepada pentegak bermula 5 Februari hingga 4 Jun 2022 iaitu sepanjang tempoh pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM).

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr. Ronald Khande berkata, pemberian subsidi sebanyak 60 sen per/kilogram (kg) kepada

penternak ayam adalah selepas mengambil kira harga ayam hidup di peringkat ladang sebanyak RM5.90 per/kg dan harga runcit ayam bulat standard sebanyak RM8.90 per/kg.

"Selain itu, bagi subsidi telur, jemaah menteri bersetuju memberi sebanyak 5 sen sebijik untuk semua kategori.

"Tujuannya untuk meringankan beban penternak susulan

peningkatan kos terutamanya kos makanan yang meliputi 70 peratus dari kos pengeluaran selain kos logistik, pekerja, utiliti dan ubat-ubatan," katanya dalam satu kenyataan kemasin.

Bellau memaklumkan anggarannya keseluruhan impikasi kewangan kepada kerajaan bagi melaksanakan pemberian subsidi ayam dan telur di seluruh negara untuk tempoh empat bulan

adalah sebanyak RM528.52 juta.

"MAFI melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) akan mengadakan sesi libat urus berterusan dengan pihak industri untuk memastikan industri ayam dan telur kekal mampan serta beroperasi dalam skala penuh.

"Tujuannya bagi memastikan pengeluaran ayam dan telur di ladang mencukupi bagi memenuhi keperluan tempatan," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/2/2022	KOSMO	NEGARA	3



BEKALAN ayam di negara ini dijangka berkurangan biarpun kerajaan memberikan AP kepada beberapa pengusaha pasar raya bagi mengimbangi stok bahan mentah itu. - GAMBAR HIASAN

Jakim diminta nilai status halal ayam negara lain

Stok dijangka kurang menjelang Ramadan

Oleh RASDAN AHMAD

PETALING JAYA - Kebenaran permit import (AP) ayam yang diberikan kepada pasar raya besar bagi mengimbangi keperluan ayam di negara ini dibimbangi masih tidak dapat menampung bekalan ternakan itu menjelang Ramadan ini.

Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holding, Datuk Ameer Ali Mydin berkata, ketika ini pihaknya sedang mempertimbangkan harga paling murah daripada beberapa pengeluar ayam proses antaranya China, Thailand dan Brazil.

"Proses ini memakan masa yang agak lama kira-kira dua bulan. Kebenaran AP ini pula hanya dibenarkan sehingga Mei ini.

"Proses menjadi lama kerana kita hanya boleh mengambil stok ayam dari beberapa negara sahaja, pihak kami memerlukan masa dua bulan kerana jarak negara-negara terlibat agak jauh.

"Saya harap status halal yang dinilai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) perlu diperluaskan kepada beberapa negara lain supaya kita mempunyai lebih banyak pilihan terutamanya dari negara Asia Barat," katanya kepada



KERATAN Kosmo 5 Disember 2021.

da Kosmo di sini semalam.

Menurut beliau, harga pembekal di beberapa negara itu juga agak tinggi dan kebenaran AP yang diperoleh pihaknya juga hanya tertumpu kepada ayam bulat.

Jelas beliau, AP yang diberikan oleh kerajaan dikhaskan kepada ayam bulat bukannya bahagian-bahagian ayam yang lain seperti paha dan kepek sekali gus dibimbangi tidak dapat menampung permintaan pengguna di negara ini.

"Harga ayam segar menjadi tinggi kerana pembekal luar negara akan memainkan harga kerana mereka tahu kita memerlukan stok dan jumlahnya terhad kepada beberapa negara sahaja.

"Oleh itu, pihak Jakim perlu membuat penilaian di beberapa negara lain lagi terutamanya negara Asia Barat dalam menyele-

salkan masalah harga serta bekalan ayam ini," katanya.

Kosmo! sebelum ini melaporkan kerajaan akan mempertimbangkan kebenaran import ayam standard sejuk beku sehingga 10,000 tan metrik atau 5.5 juta ekor sebulan.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dilaporkan berkata, kebenaran mengimport ayam standard sejuk beku tersebut adalah bagi menampung kekurangan bekalan ayam di pasaran ketika ini.

Langkah intervensi itu dibuat selaras pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob baru-baru ini sekali gus memastikan bekalan ayam dalam pasaran sentiasa mencukupi dengan harga yang stabil dan berpatutan.

Keperluan ayam dalam negara adalah 3,762 tan metrik (2.09 juta ekor) sehari atau 113,220 tan metrik (62.9 juta ekor) sebulan.

Baru-baru ini, beberapa pengusaha ternakan ayam terpaksa mengambil langkah mengurangkan bekalan haiwan itu yang dipelihara di ladang bagi mengurangkan kos operasi termasuk harga dedak yang semakin meningkat.

11/2/2022

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

4

Langkah tepat menjelang perayaan

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
janibakar@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Keputusan kerajaan memberi subsidi harga ayam dan telur kepada pentermak sepanjangan tempoh pelaksanaan Skim Kawalan Harga Keluarga Malaysia (SKHKM) secara langsung dapat mengurangkan bebanan yang ditanggung mereka ekoran kenaikan kos rantaian bekalan kebelakangan ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Pentermak Malaysia (FLFAM), Datuk Jeffrey Ng berkata, langkah menjelang bulan puasa Ramadan dan perayaan Aidilfitri tidak lama lagi yang sering berlakunya kenaikan harga barangan ekoran peningkatan tinggi dalam kalangan rakyat.

Katanya, meskipun skim itu merupakan langkah singkat, ia dapat mengurangkan beban kos sara hidup pentermak dan rakyat yang kini terbeban kenaikan harga barangan khususnya ayam dan telur yang merupakan barangan keperluan asas.

"Mengikut logiknya, pentermak subsidi kepada pentermak dapat mengurangkan harga ayam dan telur ayam apabila mekanisme itu dapat meredakan beban kos rantaian sebelum dijual kepada para pengguna.

"Walaupun berlangsung tempoh singkat, ia tepat pada masanya di saat kenaikan harga kedua-dua barangan itu selepas sambutan Tahun Baharu Cina



KERAJAAN setuju memberi subsidi kepada pentermak ayam sebanyak 60 sen sekilogram, menjadikan harga ayam hidup di peringkat ladang RMS.90 sekilogram dan harga runcit ayam bulat standard RMS.90 sekilogram.

dan menjelang bulan Ramadan serta Syawal tidak lama lagi," katanya ketika dihubungi semalam.

Kelmarin, Kabinet bersetuju memberi subsidi harga ayam dan telur ayam kepada pentermak sepanjang tempoh pelaksanaan SKHKM.

Menteri Pertanian dan Industri Maklumat, Datuk Seri Dr Romaid Khandee berkata, pentermak akan menerima subsidi 60 sen sekilogram bagi ayam hidup dan ayam bulat serta 5 sen bagi

sebilik telur ayam tanpa mengira kategori.

Menurut beliau, Jemaah Menteri bersetuju memberi subsidi kepada pentermak ayam sebanyak RM0.60 sekilogram dengan mengambil kira harga ayam hidup di peringkat ladang sebanyak RM5.90 sekilogram, dan harga runcit ayam bulat standard sebanyak RM8.90 sekilogram.

Dalam pada itu, Jeffery berkata, kerajaan perlu menyegerakan pemberian dan penyaluran

subsidi tersebut agar bayaran diterima dapat membantu pentermak melunaskan pelbagai kos ditanggung selama ini.

Selain itu, Pengerusi Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM), Halim Husin pula meminta kerajaan mempercepatkan usaha mengimport ayam dan telur bagi menampung bekalan stok yang meruncing di pasaran sehingga menimbulkan kekelahan dalam kalangan pengguna dan penjual.

Katanya, perkara itu sepa-

lutnya berlaku pada tiga bulan lepas bagi mengelakkan kesan berganda pada masa akan datang.

"Selain itu, kerajaan perlu memikirkan langkah jangka panjang terhadap kenaikan harga ayam dan telur ayam akibat masalah kos bahan mentah ternakan ayam seperti jagung dan dedak yang mendapat permintaan tinggi di peringkat global di samping kejatuhan nilai mata wang ringgit," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/2/2022	KOSMO	ONLINE	

Takaful pertanian dilancar suku kedua dengan padiberas perintis



Ronald bercakap pada Program Sesi Dialog Industri Agromakanan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan di Dewan Serbaguna MAFI, Putrajaya hari ini. - Foto oleh FAISOL MUSTAFA

PUTRAJAYA – Seramai 320,000 pesawah di seluruh negara bakal menjadi kumpulan pertama yang menerima perlindungan insurans bencana alam di bawah Skim Takaful Agromakanan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, perkara itu sedang giat diperhalusi oleh Agrobank di bawah kementerian itu sebelum dilancarkan.

“Kita harap agar pelancaran skim baharu ini akan dapat dilaksanakan segera dalam suku kedua pada tahun ini dengan petani sektor padiberas bakal jadi kumpulan perintis,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan portal bersepadu baharu, MyAgro Trade dan Sesi Dialog Industri Agromakanan 2022 di sini hari ini.

Cadangan insurans bidang pertanian makanan negara disuarakan Ronald pada 15 Mac tahun lalu sewaktu majlis penyerahan bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi di Jitra, Kedah.

Ketika itu, inisiatif tersebut bertujuan melindungi pesawah yang berdepan masalah banjir sehingga menjejaskan pengeluaran beras wilayah utara Semenanjung.

Saranan itu kembali dibangkitkan oleh banyak pemain industri pertanian ekoran bah besar pada Disember lalu yang merosakkan tanaman mereka.

Susulan itu, kerajaan memperuntukkan RM100 juta bagi membantu golongan petani dan penternak yang terkesan akibat bencana alam luar jangka di beberapa buah negeri terlibat.- K! ONLINE

MAFI komited perkukuhkan agenda Sekuriti Makanan Negara – Dr. Ronald



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berucap pada Program Dialog Industri Agromakanan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Putrajaya.

PUTRAJAYA – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa komited dalam usaha memperkukuhkan agenda Sekuriti Makanan Negara dengan mengadakan program sesi dialog industri agromakanan 2022 bersama pemain industri pelbagai subsektor berasaskan pertanian.

Dialog bertemakan, Pemodenan dan Produktiviti Menjamin Sekuriti Makanan itu bagi mengenal pasti isu sektor agromakanan termasuk mengambil langkah intervensi yang sesuai mengikut perkembangan semasa.

Menurut Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, tema itu selaras dengan pelaksanaan dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang antara lain memberi penekanan terhadap pemodenan sektor pertanian mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi.

Dalam program dialog itu, kata beliau, seramai 200 peserta iaitu pemain industri agromakanan hadir secara fizikal dan 1,000 lagi secara webinar atau Facebook Live.

“Mereka adalah subsektor padi, tanaman, ternakan dan perikanan, yang antaranya wakil pengeluar, syarikat peneraju, pengimport, pengeksport dan wakil rangkaian pemasaran serta pemprosesan.

“Selain itu, turut melibatkan jabatan dan agensi bawah MAFI serta jemputan daripada kementerian, jabatan dan agensi yang berkepentingan dalam sektor agromakanan,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri sesi dialog dengan pemain industri, di sini, hari ini.

Menurut Dr. Ronald, dialog industri itu merupakan salah satu inisiatif MAFI atau platform dua hala secara terus bersama pemain industri untuk berkongsi idea, pandangan, cadangan dan hala tuju kerajaan.

Katanya, ia juga dapat mengeratkan kerjasama dan hubungan baik kepada rakyat khususnya golongan sasar iaitu petani, penternak dan nelayan.

“Meninjau satu dekad yang lalu, sektor agromakanan terus mengekalkan daya tahan dan sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) terus meningkat daripada RM26.6 bilion tahun 2010 kepada RM51.3 bilion pada 2020.

“Namun, bagi memenuhi keperluan penduduk, negara pada hakikatnya masih perlu bergantung kepada import beberapa komoditi makanan utama seperti beras, sayur dan daging.

“Ini untuk memastikan bekalan sentiasa mencukupi setiap masa,” katanya.

Beliau juga mengakui, pandemik Covid-19 dan banjir baru-baru ini telah menguji daya tahan sistem makanan negara dalam mengatasi kejutan ekonomi dan ketidakpastian.

Katanya, aktiviti pengeluaran makanan juga tidak dapat dilaksanakan secara optimum akibat daripada kekangan masa dan tenaga kerja yang mengakibatkan kerugian besar.

“Kesan limpahan terhadap keseluruhan rangkaian sistem makanan dan sekuriti makanan ini menyaksikan banyak norma baharu terpaksa dilaksanakan dan pendekatan baharu diperlukan bagi memastikan kelancaran bekalan makanan sepanjang masa,” katanya. – MalaysiaGazette

Insurans lindungi petani, industri

Skim berkenaan membantu petani dan industri yang terjejas akibat bencana alam

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Skim insurans dan takaful yang memberi perlindungan kepada penggiat industri pertanian dan agromakanan dijangka akan dilancarkan pada suku kedua tahun ini. Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, sebagai permulaan, ia akan dipertingkatkan kepada subsektor padi beras sebelum diperluaskan ke subsektor lain.

"Skim ini dalam proses perbincangan dan akan dimaklumkan pencapaianannya dalam tempoh terdekat," katanya

pada sidang akhbar selepas mengadakan sesi Dialog Industri Agromakanan di Kementerian di sini pada Khamis.

Menurutnya, Agrobank yang telah diberi mandat untuk menerajui usaha itu telah mendapatkan kelulusan Bank Negara Malaysia untuk menawarkan produk tersebut.

"Di rantau ini, Malaysia agak terkebelakang kerana boleh dikatakan rata-rata negara lain mempunyai insurans pertanian," katanya.

Beliau berkata, skim insurans pertanian dan takaful merupakan suatu keperluan yang perlu disediakan melibatkan kalangan kerjasama sektor swasta.

"Ketika ini, apabila sawah menghadapi bencana alam dan penyakit, kerajaan menanggung RM80 juta bagi bantuan serta dana kepada pesawah," katanya.

Ronald sebelum itu meluahkan masa lebih tiga jam mendengar permasalahan daripada pemain industri pertanian dan agromakanan.

Dialog tersebut merupakan salah satu inisiatif MAFI dalam menyediakan



FOTO: ROSLI TUAH

Ronald (dua dari kiri), Nik Muhammad Zawawi (tengah) dan Haslina (dua dari kanan) melancarkan laman web MyAgro Trade 2022 selepas Sesi Dialog Industri Agromakanan 2022 di Putrajaya.

platform komunikasi dua hala secara terus dengan pemain industri.

Lebih 200 orang peserta secara fizikal dan 1,000 orang menyertai dialog tersebut secara dalam talian.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh dan Ketua Setiausaha

Kementerian, Datuk Haslina Abdul Hamid yang juga bertindak sebagai pannel pada sesi tersebut.

Sementara itu, Ronald berkata, MAFI sedang menunggu kelulusan Kementerian Kewangan bagi mekanisme penyaluran subsidi kepada penanam ayam dan pengeluaran telur ayam.

11/2/2022

BERITA
HARIAN

NASIONAL

22

Tawar beli Patin Muncung harga tinggi buat induk

Jabatan Perikanan rayu kerjasama nelayan bantu hasil benih ikan

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Jabatan Perikanan Pahang sedia membeli ikan Patin Muncung hidup untuk dijadikan induk pada harga lebih tinggi berbanding harga pasaran semasa. Harga semasa spesies berkenaan yang semakin sukar ditemui di negeri ini mencecah RM500 sekilogram.

Pengarahnya, Abdullah Jaafar berkata, pihaknya terpaksa bertindak membeli Patin Muncung pada harga lebih tinggi daripada harga pasaran semasa.

Beliau berkata, Pusat Pengembangannya, Perikanan Perik-



Jabatan Perikanan Pahang tawar harga lebih tinggi kepada nelayan yang mahu menjual Patin Muncung bagi mengelakkan spesies pupus.

(PPAP), Jerantut sudah lama berusaha untuk mendapatkan ikan spesies berkenaan bagi dijadikan induk, namun hingga kini tidak berjaya.

Katanya, difahamkan sejak PPAP diwujudkan usaha menghasilkan benih Patin Muncung tidak dapat dilakukan berikutan ketiadaan induk walaupun pel-

bagai usaha sudah dilakukan.

"Jalan terakhir dilakukan ialah dengan cara menawarkan harga lebih tinggi daripada harga pasaran semasa, diharapkan usaha berkenaan menemui kejayaan tidak lama lagi.

"Saya merayu kepada nelayan darat di beberapa daerah di negeri ini seperti Jerantut, Lipis,

Temerloh, Bera dan Raub supaya dapat menjual Patin Muncung hidup kepada jabatan sekiranya mereka berjaya menangkap ikan berkenaan.

"Kerjasama daripada nelayan darat sahaja dapat membantu jabatan menghasilkan benih ikan spesies berkenaan yang kini hampir pupus," katanya, di

PPAP Jerantut sudah lama berusaha untuk mendapatkan ikan spesies berkenaan bagi dijadikan induk, namun hingga kini tidak berjaya



Abdullah Jaafar,
Pengarah Jabatan
Perikanan Pahang

sini kelmarin.

Abdullah berkata, pihaknya yakin sekiranya PPAP mempunyai induk Patin Muncung, tidak mustahil jumlah ikan spesies berkenaan kembali banyak di beberapa sungai utama di negeri ini.

"Masa depan Patin Muncung boleh dikatakan kini bergantung sepenuhnya daripada nelayan darat, mereka sahaja yang berpeluang menangkap ikan spesies berkenaan menggunakan jaring termasuk memancing.

"Harga ikan sungai ini antara yang begitu tinggi ia disebabkan permintaan menggalakkan, justeru usaha pembiahan perlu dilakukan secara bersungguh-sungguh," katanya.

11/2/2022

SINAR

NEGERI

26

HARIAN

PERAK, KEDAH,

MELAKA

Jerami gulung tarikan baharu Yan

Pelbagai rekaan dihasilkan sempena Pesta Jerami Gulung Castle@Wateb yang berlangsung kini

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI

YAN

Sebuah keluarga di Ulu Sedaka di sini bergabung idea dan kreativiti untuk mencipta 13 replika daripada jerami gulung sempena Pesta Jerami Gulung Castle@Wateb di sini.

Pengusaha Warung Tepi Bendang (Wateb), Fathul Amin Mat Desa, 26, berkata, dia bersama ahli keluarga yang lain mengambil masa selama tiga hari untuk menyiapkan kesemua replika berkenaan.

Katanya, semua idea yang diketengahkan akan direalisasikan oleh abangnya, Mohd Saiful, 33, yang mempunyai kepakaran dalam bidang pembuatan.

"Kami cuba meminimumkan kos dengan menggunakan barang-barang terpakai untuk menghasilkan kesemua replika



Kamarudin (tiga dari kanan) bergambar bersama Pengurus PPK MADA F-IV Sungai Limau Dalam, tenisi Anshad (tempat dari kanan) di hadapan salah satu replika Jerami Gulung di Yan.

berkenaan.

"Contohnya kami ubah suai meja terpakai untuk dijadikan tempat bergambar," katanya ketika ditemui di sini pada Khamis. Menurutnya, pesta jerami gulung itu mendapat kerjasama Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Perubuhan Peladang Kawasan (PPK) F-IV Sungai Limau Dalam.

"Kerjasama ini bermula sejak 1 Februari lalu, yang mana pihak MADA turut membekalkan kira-

kira 40 gulung jerami untuk kita adakan pesta jerami.

"Keluasan tapak pesta jerami ini ialah seluas 0.2877 hektar yang dibangunkan di atas tanah sawah milik keluarga saya," katanya.

Fathul Amin menambah, sejak dibuka kepada pengunjung pada awal Februari lalu, sambutan yang diterima sangat membara.

"Kami pengunjung luar turut mengambil kesempatan da-

tang bergambar di sini terutamanya pada cuti Tahun Baharu Cina yang lalu," katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar MADA, Kamarudin Dahul berkata, pesta jerami itu juga bertujuan untuk mempromosikan PPK MADA F-IV Sungai Limau Dalam selaku pembekal perkhidmatan jerami gulung kepada masyarakat setempat.

"Dalam masa yang sama, kita juga mengharapkan kerjasama

daripada pesawah supaya memberi peluang kepada PPK untuk menjalankan proses gulungan jerami di sawah padi masing-masing.

"Ini bertujuan menghindari berlakunya aktiviti pembakaran jerami secara terbuka selain mengelakkan kemalangan jalan raya akibat pembakaran," katanya. Menurutnya, aktiviti ini diharapkan dapat dijalankan secara tahunan terutamanya pada penghujung Januari dan awal bulan Februari setiap-tahun.

"Ini kerana pada ketika itu, pesawah-pesawah telah mula menuai padi dan aktiviti ini juga merupakan acara simbolik meraiikan penuaian padi yang telah pun bermula di sekitar Yan," katanya.

Seorang pengunjung, Mary Ooi, 52, berkata, dia tertarik untuk datang ke pesta jerami berkenaan setelah melihat gambar perkongsian rakan-rakan di laman sosial.

"Sangat cantik pemandangan di sini, ada pelbagai replika jerami yang berlatar belakang Gunung Jerai.

"Saya rasa ia patut diteruskan sebab istimewa dan menarik, sekali gus jadi tarikan pelancong datang ke daerah ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/2/2022	SINAR HARIAN	KRISIS BEKALAN TELUR & AYAM	10

Sukar dapat ayam di Kuala Terengganu

KUALA TERENGGANU - Bekalan ayam di daerah ini semakin kritikal apabila kebanyakan gerai jualan runcit di tepi jalan tidak beroperasi pada Khamis kerana sumber makanan itu terputus.

Tinjauan *Sinar Harian* di kebanyakan gerai jualan ayam di daerah ini mendapati bekalan ayam segar berkurangan dan tidak mampu menampung permintaan.

Pekerja kedai runcit dan borong ayam, Syed Ahmad, 25, berkata, buat masa ini jualan ayam terpaksa dicatu dan hanya dijual kepada pelanggan tetap.

"Sebelum ini kita dapat dalam 2,000 ayam sehari. Sekarang berkurangan 50 peratus iaitu sekitar 1,000 ekor.

"Buat masa ini 100 ekor sahaja yang boleh dijual secara runcit kerana kita sudah ada 20 pelanggan borong tetap yang ambil bekalan setiap hari," katanya pada Khamis.

Syed berkata, masalah kekurangan bekalan ayam sudah berlarutan sejak sebulan lalu

dan situasi itu semakin kritikal sejak tiga hari lalu.

Sementara itu, tinjauan di Pasar Bukit Besar di sini mendapati tiga gerai yang menjual ayam habis seawal jam 10 pagi.

Peniaga ayam, Mohd Hilmi Harun, 34, berkata, bekalan ayam diperoleh pada Khamis hanya 30 ekor berbanding 60 ekor pada hari kebiasaan.

"Ayam tak dapat banyak hari ini (Khamis), boleh jual 30 ekor sahaja sebab bekalan susah nak dapat.

"Masalah kekurangan bekalan ayam ini mula dirasai bermula perayaan Tahun Baharu Cina dan berlarutan sampai sekarang," katanya.

Seorang pelanggan, Mohd Jusoh, 56, berkata, dia tidak dapat membeli ayam walaupun telah pergi ke enam kedai kerana sudah habis dijual.

"Ada lima, enam tempat saya pergi malangnya ayam sudah habis. Semalam (Rabu) pun sama. Hari ini (Khamis) nak cari seekor untuk buat lauk pun susah," katanya.



Mohd Hilmi menunjukkan baki dua ekor ayam yang sudah ditempah pelanggan di gerainya di Pasar Bukit Besar.

11/2/2022

SINAR
HARIANKRISIS
BEKALAN TELUR
& AYAM

10

Perlu ada penyelesaian jangka panjang selain subsidi

SEREMBAN - Satu penyelesaian jangka panjang perlu dilakukan oleh kerajaan bagi mengurangkan kos makanan dalam industri ternakan di negara ini.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, tindakan itu perlu selain subsidi jangka pendek yang sedia ada.

"Pelan jangka panjang itu penting bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh penternak dalam industri ini yang bukan hanya melibatkan ayam tetapi membabitkan haiwan lain seperti lembu dan kambing yang turut berdepan masalah sama.

"Saya berharap kerajaan pusat memikirkan un-



AMINUDDIN

tuk membantu mengeluarkan makan-an ternakan kepada semua aktiviti ternakan di negara ini supaya perkara ia dapat diatasi dalam jangka masa panjang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Konvokesyen Kolej Vokasional Ampangan di Casa Lagenda Convention Centre, Seremban di sini pada Khamis.

Jelasnya, jika terdapat kerjasama kerajaan dan swasta dalam mengeluarkan makanan ruminan, pihaknya yakin isu harga itu dapat dikawal.

'Jangan naikkan lagi harga ayam, telur'


Penternak, peniaga tiada alasan tekan rakyat selepas kerajaan bagi subsidi RM528.52 juta

ORANG ramai mendesak para peniaga agar tidak lagi sesuka hati menaikkan harga telur dan ayam di pasaran selepas kerajaan bersetuju memberi subsidi sebanyak RM528.52 juta bagi kedua-dua hasil ternakan itu susulan peningkatan kos operasi.

Menurut mereka, subsidi selama empat bulan yang disalurkan oleh kerajaan kepada golongan penternak itu sebenarnya cukup besar dan seharusnya diambil peluang oleh semua pihak termasuk para peniaga untuk meringankan beban rakyat.

"Subsidi sudah diberi, jadi tiada alasan lagi kepada pihak terbabit untuk bermain harga. Rakyat sudah cukup terbebani dan jangan susahkan kami lagi," kata suri rumah dari Ampang, Syahidatul Maryam Mohamed Zan, 30. • LAPORAN PENYUH DI MUKA 2

HARGA ayam bulat yang ditetapkan oleh kerajaan di peringkat runcit adalah RM8.90 seekilogram.



11/2/2022

KOSMO

NEGARA

2

Pengguna mahu peniaga, penternak bantu rakyat selepas kerajaan berikan subsidi

'Jangan lagi bagi alasan naikkan harga'

Oleh MOHD. YUNUS YAKUB,
MOHD. AZLI ADLAN, MOHD.
SHAKAWI LONDING-ALMANI
ZAFRAH KHAIROL dan NUR
SYAZWANA MAINSOR

PETALING JAYA – Pengguna di seluruh negara menyambut baik keputusan kerajaan yang memberikan subsidi ayam dan telur sebanyak RM528.52 juta kepada penternak dalam usaha menstabilkan harga selain meningkatkan pengeiharaan bekalan kedua-dua bahan mentah itu.

Menurut mereka, pemberian subsidi, sebanyak 60 sen bagi setiap kilogram ayam dan 5 sen bagi setiap kilogram telur itu dianggap sudah memadai dalam memastikan harga pasaran kekal dan tidak mengalami kenaikan.

Di Shah Alam, Selangor, seorang suri rumah, Syahidatul Maryam Mohamed Zan, 30, mengatakan kenaikan harga telur dan ayam sejak kebelakangan ini jelas mengganggu perbelanjaan isi rumah memandangkan kedua-dua bahan mentah itu adalah keperluan wajib bagi keluarganya.

"Subsidi sudah diberi, jadi tiada alasan lagi untuk bermain harga. Rakyat sangat terbeban, jangan susahkan kami," katanya. Bagi pekerja swasta, Mohd. Nazreen Ibrahim, 39, pula, dia berharap agar pihak berkuasa mengambil tindakan tegas sekiranya ada golongan penternak termasuk peniaga yang mengambal kesempatan selepas ini.

"Dalam keadaan rakyat terlumit dengan kesan ekonomi disebabkan Covid-19, situasi seperti ini (kenaikan harga) tidak sepatutnya berlaku," jelasnya.

Di Kuala Terengganu,



ORANG ramai berharap harga ayam dapat dikurangkan atau diturunkan sedikit selepas kerajaan bersempaja memberikan subsidi sehingga bulan Jun tahun ini.

Terengganu, seorang pengguna, Nor Aznida Alias, 42, berharap subsidi kerajaan itu mampu memberi kesan segera terhadap harga dan bekalan ayam serta telur ayam di pasaran.

"Pengguna bukan sahaja berdepan dengan beban kos yang tinggi, malah bekalan ayam dan telur ayam di pasaran juga sangat tidak menentu. Saya harap, harga dan bekalan bahan mentah itu kembali stabil selepas ini," katanya.

Seorang lagi pengguna, Mohd. Zaki Mohamed, 63, berkata, subsidi tersebut menunjukkan keungguhan kerajaan untuk mengurangkan beban rakyat.

"Saya betul-betul berharap pemain industri baik pengusaha, pemborong dan peruncit tidak memberi alasan untuk menaikkan harga selepas ini," katanya.

Di Sungai Petani, Kedah, seorang peniaga kek, Siti Asmah Nordin, 25, melahirkan rasa gembira dengan pemberian subsidi sebanyak 5 sen sebijt telur yang merupakan antara bahan utama dalam perniagaannya.

"Penguatkuasaan kerajaan untuk memberi subsidi kepada penternak sememangnya melegakan saya sebagai peniaga.

"Saya harap tiada lagi isu kenaikan harga ayam dan telur kerana saya sukar untuk kami kealkan harga jualan kek jika harga telur terus meningkat," ujarnya.

Di Johor Bahru, fohor, suri rumah, Siti Noor Asiah Muda, 33, mahu golongan penternak dan peniaga membalas jasa kerajaan dengan memastikan harga telur dan ayam tidak dinaikkan lagi.

"Subsidi ini diberikan kepada penternak ayam dan pengeuar telur ayam, jadi kami pengguna berharap jangan naikkan harga sesuka hati.

"Kerajaan dah bantu mereka, sekarang mereka pula perlu bantu pengguna, bukan sekadar nak untung sahaja," katanya.

Di Kuala Lumpur, penjawat awam, Norashikin Che Ram, 29, berkata, sebagai pengguna mereka mempunyai hak untuk mendapat harga bahan mentah dengan kadar yang berpatutan.

"Sebagai pengguna, sudah pasti mahukan harga barang yang berpatutan dan dalam kawalan terutamanya bahan mentah seperti ayam, telur ayam dan sayur," tambahnya.



PENGUSAMA telur ayam di negara ini akan mendapat subsidi daripada kerajaan sebanyak 5 sen bagi setiap biji.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/2/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	24

Anggur Jerantut setara buah import



Syed Norhaimi gembira kerana cubaannya menanam anggur membuahkan hasil.

Anak pokok berasal dari Eropah itu ditanam di sekeliling rumah

Oleh ROSILAWATI ROSEDI

JERANTUT

Dahulu, pokok strawberi memenuhi persekitaran rumahnya, kini pokok anggur pula.

Syed Norhaimi Syed Zin, 57, dari Taman Seri Embun di sini mula beralih arah menanam varieti anggur jenis manis, *table grape* ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada tahun 2020.

Dia menanam anggur jenis masam, *wine grape* sejak dua dekad lalu sebelum mencuba varieti *table grape*.

Bekas kakitangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda) itu juga berkata, buah anggur atau nama saintifiknya, *Vitis* menjadi pendapatan sampingannya apabila orang

ramai membeli anak pokok buah tersebut daripadanya.

"Saya dapatkan anak pokok yang berasal dari Eropah dan kemudian tanam di sekeliling rumah. Pada masa sama, saya juga menjual anak pokok anggur dengan harga RM100 hingga RM200 bergantung jenis varieti.

"Sebelum ini saya usahakan strawberi, namun kerana ia mudah diserang penyakit, saya fokus kepada pokok anggur.

"Tanam anggur tidak memerlukan kawasan luas selain kita sendiri boleh tentukan masa untuk keluarkan hasil. Anggur hanya memerlukan masa lapan bulan untuk matang," katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Khamis.

Dia yang mengusahakan tanaman anggur bersama isteri, Sharifah Zuriah Syed Zainal Abidin, 53, menjelaskan, iklim Khatulistiwa di negara ini membolehkan pokok anggur mengeluarkan hasil lebih kerap berbanding iklim di negara empat musim iaitu hanya sekali sepanjang tahun.

Bapa kepada empat anak itu bagaimanapun tidak menafikan pokok anggur juga memerlukan penjagaan rapi kerana mudah terkena jangkitan kulat.

11/2/2022

12

UTUSAN
DALAM NEGERI
MALAYSIA

Kian ramai beralih beli telur itik

Oleh AIN SAFRE BIDIN
utusannews@mediamail.com.my

PASIR SALAK: Kesukaran membeli telur ayam di pasaran, ketika ini menyebabkan permintaan telur itik meningkat.

Perkara ini diakui seorang penemak itik telur di Sungai Manik dekat sini, Kamaluzaman Jamaludin, 52, yang menguruskan ternakan itik telur sejak setahun setengah.

Menurutnya, sejak harga telur ayam kurang dan mahal, ramai kini beralih membeli telur itik.

"Sebelum ini biasanya saya menjual telur itik kira-kira 300 biji sehari tetapi sekarang meningkat lebih sekali ganda sehingga 800 biji sehari.

"Keadaan ini disebabkan harga telur ayam yang kurang di pasaran menyebabkan harganya meningkat," katanya ketika ditemui Utusan Malaysia di Parit 4 Sungai Manik, dekat sini semalam.



KAMALUZAMAN Jamaludin menguruskan ternakan itik di ladangnya di Parit 4A, Sungai Manik di Pasir Salak semalam. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

Kata Kamaluzaman, ladang ternakannya kini menjadi tunjukkan daripada pekedai makan, peniaga burger, pengusaha kek dan untuk kegunaan isi rumah.

"Pelanggan juga yang berranyakan telur ayam tapi saya kata saya hanya ternak itik. Pelanggan tetap mahu telur itik sebagai pengganti telur ayam," katanya.

Dalam sehari dia boleh menjual antara 600 hingga 800 biji telur itik.

"Disebabkan permintaan tinggi, saya nak buat telur masin pun

tak cukup. Tambahan pula saya sudah ada pelanggan tetap di kedai di sekitar Sungai Manik," katanya.

Mengenai ternakannya, Kamaluzaman berkata, dia mula memernak sebanyak 700 itik telur dan kini bertambah kepada 1,000 ekor.

Katanya, itik mengambil masa tiga atau empat bulan untuk bertelur.

"Saya tidak menyangka ternakan itik mampu memberikan pulangan pendapatan yang baik apatah lagi ketika ini orang ramai menghadapi masalah untuk mendapatkan telur ayam," katanya.

Menurutnya, dia menjadikan kawasan tanah terbitur di belakang rumahnya sebagai tempat ternakan itik.

"Tepak ternakan itik ini asalnya tanah sawah tapi disebabkan hendak buat sawah banyak guna modal, lebih baik saya ternak itik," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/2/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12



Hujan lebat, nelayan terputus rezeki

JABATAN Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) menerusi laman sesawang mengeluarkan amaran Fasa Monsun Timur Laut telah bermula pada 3 November 2021 dan dijangka berterusan sehingga Mac 2022.

Keadaan itu boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kmsj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati hanya bot-bot bersaiz

besar yang berani meneruskan rutin menangkap ikan, manakala nelayan lain terpaksa berehat buat sementara waktu.

Seorang nelayan, Mohd. Zuki Omar, 45, berkata, keadaan cuaca yang tidak menentu bukan sahaja menjejaskan pendapatannya, malah menyukarkan untuk meraih hasil laut.

"Saya terpaksa membatalkan hasrat ke laut kerana bimbang keselamatan diri. Kelmarin, tempoh menangkap ikan kurang sejam dan saya segera balik selepas tengok langit gelap."

katanya ketika ditemui di Pantai Tok Jembal, semalam.

Sementara itu, seorang peniaga ikan, Faridah Halim, 52, berkata, tidak ramai nelayan yang berani turun ke laut dalam keadaan cuaca ketika ini sekali gus menyebabkan hasil laut berkurangan kepada 10 kilogram sehari.

■ BEBERAPA buah bot nelayan meredah laut bergelora untuk keluar mencari rezeki ketika tinjauan di muara Sungai Terengganu semalam.
- UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/2/2022	NST	NEWS IN BRIEF	11



Abi Agro founder Mohd Ashraf Shuib with some of the flowers grown at his farm in Kampung Tengah Abi in Kangar recently. BERNAMA PIC

Perlis 'Mini Camerons' a hit with visitors

KANGAR: Residents in Perlis need not travel far to enjoy the refreshing sights of flowers and vegetables as they can visit a hydroponic farm in Kampung Tengah Abi.

Since the farm went viral on social media, people have been dropping by for a visit non-stop and the produce on offer at the farm was sold out during the Chinese New Year holidays.

Mohd Ashraf Shuib, 40, who started developing the 0.2ha Abi Agro farm in 2017, said the overwhelming response from visitors had encouraged him to improve the business.

"Some have called the farm a 'Mini Cameron Highlands'. We plan to grow more flowers and vegetables," he said.

Among the agricultural products avail-

able at the farm were Chinese cabbage, pak choy, celery, vinca flowers and several types of hanging plants.

Ashraf said he initially grew only vegetables, which were sold to suppliers, but ventured into agrotourism in 2020.

"Since then, people have been coming in droves, and they can choose and weigh the vegetables themselves."

He said he turned to agrotourism to attract the community, especially the younger generation, and to raise awareness on the benefits of agriculture.

"Seeing parents bring their children to the Abi Agro farm makes me happy because here, they are exposed to vegetable farming and are taught the basics of agriculture." **Bernama**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/2/2022	HARIAN METRO	LOKAL	12

KENAIKAN HARGA AYAM

Segerakan pemberian subsidi penternak

Kuala Lumpur: Kerajaan perlu menyoegerakan pemberian subsidi kepada penternak ayam bagi menanganis isu kenaikan harga bahan makanan itu di pasaran.

Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), Datuk Jeffrey Ng berkata, pemberian subsidi seperti diumumkan kerajaan kelmarin berupaya membantu golongan penternak berkenaan yang terkesan akibat kenaikan harga dedak dan anak ayam.

“FLFAM menyambut baik keprihatinan kerajaan yang bersetuju memberikan subsidi harga ayam dan telur

ayam kepada penternak, cuma masalahnya ialah bila subsidi itu akan diberikan.

“Kami juga masih menunggu mekanisme pemberian subsidi terbabit. Jika terpaksa tunggu (subsidi diberi) terlalu lama, pengusaha industri ini akan lebih terkesan. Jadi saya berharap kerajaan dapat segerakan pemberian subsidi ini,” katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, Kabinet bersetuju memberi subsidi harga ayam dan telur ayam kepada penternak sepanjang tempoh pelaksanaan Skim Kawalan Harga Keluarga Malaysia (SKHKM).

Seafood prices take a dive

Drop in demand leads to costs returning to pre-CNY times, say fishmongers

By R. SEKARAN
rsekaran@thestar.com.my

GEORGE TOWN: The Chinese New Year feasting is over, and seafood sellers here are now groaning.

The price of pomfret and jumbo prawns have fallen, some by as much as 50% – and there are few takers even for the cheaper items.

A check on wet markets at Pulau Tikus and Ayer Itam yesterday showed that prices of such items are lower again, with fishmongers pointing out that the fall in demand has caused prices to fall sharply.

"It is a normal trend every Chinese New Year (CNY). Prices drop sharply just a week later, and people take a break from the feasting and do not come back just yet," said fishmonger Lim Lung Theam, 50, when met at Pulau Tikus market.

"Big pomfret were going for RM120 a kilo (during CNY) but in the last few days, the price dropped to RM70 to RM80.

"Large squid are not so sought after, but were selling at RM50 a kilo a few days before CNY and are now at RM40," he added.

Lim said the price of other fish, even salmon, remained stable



which is usual every year.

"The price is now between RM70 and RM80," he said.

"It will probably drop further when more fishermen start going out to sea again after the CNY break," he predicted.

Strangely, fishermen had bumper catches of octopus just before CNY, and fishmonger Law Bee Choo, 70, said she now has freezers full of them.

But her price for octopus remained the same at around RM40 a kilo throughout the festivities, since this is not a much sought-after item.

At the Ayer Itam fish market, prices were even lower.

A fishmonger who wanted to be known only as Ah Keong, 70, said medium-sized prawns were going for RM65 a kilo during CNY but this has now dropped to RM45.

"The prawns are not real big ones, but many buy them because our prices are more reasonable compared with wet markets in George Town.

"Even medium-sized pomfret were selling for RM70 a kilo during Chinese New Year," Ah Keong said.

"This has now dropped to just RM50," added Ah Keong.

Fully stocked:

Law arranging seafood at her stall in Pulau Tikus market in George Town.
— LIM BENG TATT/The Star

fresh, large pomfret and prawns would buy," he added.

Pulau Tikus market is well-known as a "rich man's market", where premium items, including sashimi-grade salmon and cod, can be found.

Another trader there, Zakaria Darus, 60, said his big prawns were going for RM95 to RM100 a kilo,

throughout CNY, at between RM70 and RM80 a kilo.

"People know that suppliers will increase prices during the festival and only those who can afford